

# Guna peniaga 'bawah tanah'

Oleh Mohd Jamilul  
Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**T**eknologi canggih se-  
laras kemajuan sistem  
maklumat menyaksi-  
kan modus operandi pelaku  
rasuah semakin kompleks  
termasuk menggunakan  
taktik aset maya dan peniaga  
'bawah tanah'.

Susulan itu Bank Negara  
Malaysia (BNM) perlu terus  
bekerjasama dengan Suru-  
hanjaya Pencegahan Rasuah  
Malaysia (SPRM) dan sektor  
keuangan bagi menyelaras  
usaha memerangi jenayah  
rasuah dan penipuan kewan-  
gan.

Ketika membuat gesaan  
itu, Ketua Pesuruhjaya  
SPRM Tan Sri Azam Baki  
berkata, langkah itu dapat

mewujudkan kesedaran  
awam lebih berkesan serta  
jitu mengenai taktik peni-  
puan terkini.

Menurutnya, selain me-  
mastikan langkah Pencega-  
han lebih efektif oleh insti-  
tusi kewangan, usaha itu  
dapat menyediakan soko-  
ngan bagi pemulihan dana  
yang diselewengkan serta  
membolehkan siasatan oleh  
agensi penguatkuasaan un-  
dang-undang terbabit seca-  
ra berkesan.

"Institusi kewangan sen-  
tiasa terdedah kepada pe-  
nipuan dan pengubahan  
wang haram yang menjadi-  
kannya sebagai tempat se-  
lamat untuk menyembunyi-  
kan, mengurus niaga dan me-  
nukar hasil daripada aktiviti  
haram.

"Penjenayah pula semakin  
kreatif dalam mencari ke-  
lemahan untuk memintas



*Penjenayah pula  
semakin kreatif dalam  
mencari kelemahan  
untuk memintas usaha  
wajar pelanggan"*

**Azam Baki**

usaha wajar pelanggan (*Cus-  
tomer Due Diligence*) yang  
sudah dilaksanakan dan me-  
ngeksploitasi pelbagai ins-  
trumen kewangan bagi ak-  
tiviti menyalahi undang-  
undang melalui kemudahan  
pembiayaan perdagangan,  
insurans, pindahan wang  
dan amalan rasuah," kata-  
nya.

Menjelaskan selanjutnya,  
Azam berkata, perbuatan



rasuah dan penipuan ke-  
uangan boleh disembunyi-  
kan melalui pelbagai lapi-  
san rekod dan dokumentasi  
serta penukaran hasil ha-  
ram menerusi medium ba-  
haru seperti aset maya, pe-  
niaga 'bawah tanah' (pasa-  
ran gelap), institusi kewan-  
gan rentas sempadan ser-

ta perkhidmatan kewangan  
luar pesisir.

Sambil menyifatkan per-  
anan institusi kewangan se-  
bagai barisan hadapan da-  
lam memerangi rasuah dan  
penipuan kewangan sebagai  
amat penting, beliau ber-  
pendapat sebarang transak-  
si terutama yang memba-  
bitkan pelanggan berisiko  
tinggi, perlu diteliti dari segi  
sumber perolehan dana ser-  
ta ke mana wang itu di-  
gunakan.

"Semua bank berlesen di-  
kehendaki melaksanakan  
piawai keselamatan ter-  
tinggi, terutama untuk per-  
khidmatan perbankan Inter-  
net dan mudah alih seperti  
semakan keselamatan dan  
khidmat nasihat berkala  
mengikut panduan yang di-  
keluarkan oleh BNM kepada  
institusi kewangan," kata-  
nya.

Menurut Azam, ini terma-  
suk keperluan menambah  
baik kawalan sedia ada dan  
memastikan perlindungan  
secukupnya terhadap anca-  
man terkini selain menge-  
kalkan perkhidmatan serba  
cekap kepada pelanggan.

"Bagi SPRM, kami mem-  
punyai pendekatan tersen-  
diri dalam mengesan dan  
menyiasat kesalahan ra-  
suah. Bagaimanapun, kerja-  
sama berterusan dengan  
institusi kewangan dan  
agensi penguatkuasaan yang  
lain juga amat penting.

"Kerjasama dalam bentuk  
perkongsian pengetahuan  
dan maklumat serta laporan  
proaktif mengenai aktiviti  
keuangan yang mencuriga-  
kan adalah penting dalam  
proses penyiasatan sebagai  
tanda amaran untuk meng-  
esan kemungkinan berlaku  
kesalahan," katanya.